

13 OCT 1997

PM GESA NEGARA RSC-AP SUPAYA BERDIKARI DALAM PEMBIAYAAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Cadangan oleh Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Rantau Asia-Pasifik (RSC-AP) bagi sebuah tabung pusingan kebangsaan boleh digunakan sebagai alternatif kepada dana-dana antarabangsa pelbagai hala dan pelbagai penderma yang bertujuan untuk membantu rakyat miskin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami percaya bahawa pengemblengan sumber-sumber kewangan daripada dalaman negara kita sendiri patut menjadi langkah pertama ke arah berdikari dan menjaga maruah bagi cara-cara sendiri memperolehi dana," katanya pada majlis perasmian mesyuarat RSC-AP di sini hari ini.

RSC-AP telah mengemukakan cadangan pada April tahun ini bagi menerima pakai dana seumpamanya sebagai langkah paling penting ke arah mencapai matlamatnya dalam menjangkau 70 juta wanita miskin di rantau Asia Pasifik dengan Institusi-institusi Mikro-Kewangan (MFI) berfokus kemiskinan menjelang tahun 2005.

Merangkumi satu rangkaian penganjur-penganjur termasuk Wanita-wanita Pertama, wanita-wanita terkenal atau isteri-isteri ketua-ketua kerajaan di dalam Asia-Pasifik, RSC-AP bertekad untuk menghapuskan memiskinkan di kalangan wanita-wanita di rantau ini yang diketahui mempunyai bilangan yang paling banyak isirumah miskin di dunia.

Dr Mahathir berkata adalah lebih sesuai berdikari daripada terlalu mengharapakan negara-negara kaya.

"Sikap tidak peduli negara-negara kaya terhadap keadaan ekonomi kita seharusnya cukup untuk menggerakkan kita mengambil daya utama dalam mengkaji potensi rantau ini bagi jalan alternatif kepada kemajuan yang mapan," tegas beliau.

Secara kolektif, katanya, negara-negara RSC-AP boleh mengembleng sumber-sumber tanpa terlalu bergantung pada ekonomi-ekonomi maju.

Katanya pengalaman telah menunjukkan bahawa institusi kewangan antarabangsa, yang diharapkan membantu institusi berfokus kemiskinan sebaliknya memberi kepada institusi dan yayasan kewangan yang bertopengkan untuk membantu rakyat paling miskin.

"Halangan-halangan ini telah bertindak sebagai batu penghalang kepada banyak negara di rantau Asia-Pasifik seharusnya cukup memberi pengajaran untuk kita memperkukuhkan iltizam dan komitmen kita untuk memperkukuhkan MFI tempatan dan kecil kita sendiri -- institusi-institusi kewangan yang mesra.

"Saya percaya bahawa melalui usaha-usaha dan komitmen bersepakat daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta, kita boleh mengujudkan gerak-kerja pembangunan sosial terbesar bagi rakyat miskin di dalam abad akan datang," kata Dr. Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa RSC-AP patut juga menimbangkan untuk menubuhkan tabung pusingan kebangsaan seperti tabung Bangladesh' "Palli Karma Sahayak Foundation (PKSF)".

Di bawah yayasan itu, kerajaan menubuhkan sebuah institusi bukan mencari keuntungan di bawah Akta Syarikat yang mana matlamat tunggalnya ialah mengadakan pinjaman kepada MFI kecil untuk meningkatkan operasi mereka sambil menggalakkan NGO lain menceburi pembiayaan mikro bertumpuan kemiskinan. -- BERNAMA

AD OS MA